



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2018/2019**

- NAMA KURSUS : TAMADUN ISLAM DAN
TAMADUN ASIA
- KOD KURSUS : UQI 10302/ UWA 10302/ UQI 10802
- KOD PROGRAM : BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG/ BDC/
BDD/ BDM/ BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/ BIM/
BIP/ BIS/ BIW/ BNB/ BNC/ BND/ BNE/
BNF/ BNG/ BNL/ BNM/ BNN/ BNT/
BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/
BWC/ BWD/ BWQ
- TARIKH PEPERIKSAAN: JUN / JULAI 2019
- JANGKA MASA : 1 JAM 45 MINIT
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH (20)** MUKA SURAT

- S1 Apakah kesimpulan penting yang perlu difahami daripada makna tamadun berdasarkan tiga bahasa utama iaitu Arab, Melayu dan Inggeris?
- A Kemajuan kerohanian yang mencakupi nilai dan akhlak
 - B Kemajuan kebendaan yang dikaitkan dengan kehidupan bandar
 - C Perluasan kuasa dan pengaruh yang merentasi sempadan geografi
 - D Integrasi nilai, akhlak dan kemajuan material perlu disepadukan bagi membangunkan tamadun yang cemerlang

Soalan 2 berdasarkan kepada penjelasan istilah ilmu ketamadunan dalam **Jadual 1**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

Istilah	Keterangan
W	Sekumpulan manusia yang tinggal kekal di sesuatu tempat atau wilayah dan tanah pertanian
X	Sekumpulan masyarakat yang tinggal menetap di suatu tempat itu dalam keadaan yang berkembang subur lagi makmur yang berlawanan dengan kawasan kering atau terbiar
Y	Pencapaian manusia melebihi keperluan asasi kehidupan sehingga dapat membuka jalan ke arah pemikiran dan penghasilan daya cipta yang lebih halus dan mempunyai nilai-nilai seni
Z	Suatu peringkat yang tinggi dalam kehidupan kebendaan sesebuah masyarakat yang jelas kelihatan dalam aspek pembangunan, perancangan dan penyusunan bandar serta penyediaan kemudahan infrastruktur

- S2 Pilih istilah yang digunakan oleh Ibn Khaldun dalam perbincangan tentang ilmu ketamadunan dalam **Jadual 1**.
- A W dan Z
 - B W dan Y
 - C X dan Y
 - D X dan Z
- S3 Mengapakah agama dan sistem kepercayaan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sesebuah tamadun?
- A Sistem kepercayaan boleh membantu membangunkan masyarakat dan meningkatkan idea dan kreativiti
 - B Agama dan kepercayaan merupakan sumber nilai dan moral utama yang menjadi panduan dalam kehidupan manusia
 - C Keruntuhan sesebuah tamadun berkait rapat dengan keruntuhan moral masyarakatnya yang sudah hilang pegangan agama
 - D Penyelewengan sesuatu agama dapat diperjelaskan sehingga setiap anggota masyarakat menerima dan kembali kepada ajaran yang sebenar

- S4 Mengapakah pengajian ilmu ketamadunan perlu dipelajari oleh setiap pelajar?
- A Menerangkan konsep pembangunan dan kemajuan secara holistik dan pragmatik
 - B Mengisi pembangunan dan kemajuan negara dengan nilai-nilai yang tinggi serta murni
 - C Menghasilkan rekacipta yang terbaik demi kemajuan dan pembangunan yang mapan
 - D Mengekang nilai-nilai buruk dan menjauhkan diri dengan nilai kehidupan yang biadab

Soalan 5 adalah berdasarkan kepada pandangan tokoh dalam **Jadual 2**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

Ibn Khaldun	Thomas Berry
Kemunculan dan pertapakan agama merupakan ciri penting dalam tahap awal tamadun	Tamadun-tamadun di timur seperti China dan India tidak dapat difahami sepenuhnya kecuali merujuk kepada agama-agama besar

- S5 Apakah falsafah yang ingin disampaikan oleh kedua-dua tokoh dalam **Jadual 2**?
- A Idea tentang pembinaan sebuah tamadun yang besar bermula dengan perbincangan tentang kitaran tamadun
 - B Persoalan gaya hidup ke atas sesebuah negara yang bertamadun berpandukan kepada kepercayaan yang ada dalam kalangan masyarakat
 - C Kesangsian terhadap peranan agama dalam pembinaan tamadun yang hebat akibat daripada pertembungan budaya dunia
 - D Peranan agama dalam pembentukan kecemerlangan tamadun menjadi pemangkin kepada pembentukan tamadun besar di dunia
- S6 Pilih kenyataan yang paling tepat tentang kesan interaksi antara tamadun.
- I Interaksi antara tamadun berlaku di sepanjang zaman
 - II Interaksi antara tamadun boleh membawa kesan positif dan negatif
 - III Interaksi mengelakkan sesebuah tamadun daripada menjadi beku dan jumud
 - IV Interaksi antara tamadun membawa perubahan dari segi nilai, idea, institusi dan insan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S7 Apakah punca yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun?
- I Pemerintahan yang menindas rakyat serta melakukan kezaliman
 - II Penghijrahan manusia akibat daripada ketidaksuburan tanah untuk pertanian
 - III Nilai-nilai moral yang kukuh wujud hasil daripada undang-undang yang telah dikuatkuasakan
 - IV Peperangan berpanjangan berlaku akibat daripada perebutan tampuk pemerintahan dalam kalangan keluarga diraja
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

Soalan 8 berdasarkan kepada **Pernyataan 1**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 1

Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai anugerah daripada Sungai Nil yang mengalir daripada bahagian utara Mesir ke Laut Mediterranean. Di tebing sungai ini lahir tamadun Mesir Purba. Sungai Nil ini berpunca daripada dua anak sungai, iaitu Sungai Nil Biru yang bermula dari tanah tinggi di Ethiopia dan Sungai Nil Putih yang bermula dari tasik Victoria di Uganda. Limpahan air Sungai Nil ke tanah yang gersang serta berpadang pasir telah berjaya menukarkan bentuk muka bumi Mesir kepada sebuah tanah dataran yang subur. Tanah lanar yang dibawanya pula berjaya membentuk sebuah delta yang subur untuk pertanian dan petempatan manusia.

- S8 Bagaimanakah kaedah perkembangan tamadun dunia sebagaimana yang dinyatakan dalam **Pernyataan 1**?
- I Kedudukan lokasi penempatan yang strategik
 - II Kesuburan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian
 - III Kemudahan pengangkutan bagi perjalanan darat dan laut
 - IV Kemudahan untuk mendapatkan sumber makanan dan minuman
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 9 dan 10 berdasarkan kepada **Pernyataan 2**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 2

Kelahiran semangat kekitaan yang dihasilkan daripada kewujudan kelompok masyarakat yang berbeza perlu disatukan di bawah satu kepimpinan yang berwibawa. Pemimpin ini seterusnya membentuk sebuah kerajaan yang berdaulat serta berjaya melahirkan sistem pemerintahan yang merangkumi semua aspek dalam kehidupan dan kelompok masyarakat.

- S9** Apakah tahap kehidupan yang digambarkan oleh **Pernyataan 2**?
- A Pendapat Jurji Zaydan tentang tahap kelahiran tamadun
 - B Pendapat Arnold Toynbee tentang ketamadunan manusia
 - C Pendapat Malib Bennabi tentang tahap kelahiran tamadun
 - D Pendapat Ibn Khaldun tentang tahap kehidupan bertamadun
- S10** Apakah ciri pemimpin yang berwibawa yang dapat memimpin masyarakat untuk membentuk sebuah kerajaan yang berdaulat berdasarkan **Pernyataan 2**?
- I Keinginan yang bersungguh-sungguh untuk melakukan kebajikan
 - II Berhemah tinggi, murah hati, pemaaf terhadap kesalahan, bertolak ansur terhadap yang lemah
 - III Memiliki sikap hormat kepada tetamu, membantu kepada yang memerlukan, menyara orang yang kurang berada
 - IV Sentiasa bersedia menghadapi apa sahaja rintangan untuk mencapai cita-cita dan berusaha untuk menjadikan mereka manusia yang kreatif dan produktif
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S11** Mengapakah wujud perbezaan pandangan semesta masyarakat Arab sebelum dan selepas kedatangan Islam?
- A Sebelum kedatangan Islam hidup berpindah randah, manakala selepas kedatangan Islam tinggal menetap di kawasan yang subur
 - B Sebelum kedatangan Islam mereka mempercayai ketuhanan yang pelbagai, manakala selepas kedatangan Islam beriman kepada Allah
 - C Sebelum kedatangan Islam tidak tahu membaca dan menulis, manakala selepas kedatangan Islam mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi
 - D Sebelum kedatangan Islam semangat *asabiyyah* yang berasaskan pertalian darah dan keturunan, manakala selepas kedatangan Islam berasaskan persaudaraan

- S12** Apakah ciri yang membezakan Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun yang lain?
- A Tamadun Islam berpusat di kota, manakala tamadun lain berpusat di desa
 - B Asas tamadun Islam merupakan manusia, manakala tamadun lain berpusat kepada kebendaan
 - C Tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai matlamat, manakala tamadun lain mementingkan teknologi sebagai alat
 - D Tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi keimanan kepada Allah S.W.T., manakala tamadun lain mempunyai sistem kepercayaan yang pelbagai
- S13** Bagaimanakah Tamadun Islam dapat menjaga hubungan baik sesama manusia?
- I Menyediakan sumber panduan kehidupan kepada manusia
 - II Menetapkan suatu amanah dan tanggungjawab kepada manusia
 - III Memastikan manusia sentiasa melaksanakan amanah yang diberikan
 - IV Mewujudkan peraturan hidup kepada manusia berdasarkan kepada syariat yang diwahyukan kepada Rasulullah S.A.W.
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S14** Bagaimanakah gambaran yang menjelaskan ciri-ciri umum dan sejagat dalam Tamadun Islam?
- I Menekankan peringkat paling tinggi yang boleh dicapai oleh manusia
 - II Seruan keadilan untuk semua insan tanpa melihat kepada warna kulit dan bangsa
 - II Mempunyai syariat yang boleh dilaksanakan berdasarkan kepada kesesuaian tempat dan masa
 - IV Meliputi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada untuk urusan keduniaan atau urusan selepas kematian
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S15 Apakah tindakan paling tepat dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dalam mengembangkan akidah kepada masyarakat Arab Jahiliah pada peringkat awal penurunan wahyu?

- I Mengukuhkan sistem kepercayaan yang menekankan semangat asabiyyah
- II Menerima kepercayaan masyarakat Arab yang menjadi tradisi dan budaya tempatan
- III Meruntuhkan kesesatan akidah yang bertentangan dengan ajaran Islam secara beransur-ansur
- IV Menyebarkan akidah yang benar semasa berdakwah secara sulit kepada kaum keluarga dan sahabat terdekat

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

S16 Mengapakah sumber Islam yang lahir daripada kesepakatan para ulama Fiqh selepas kewafatan Nabi S.A.W. terhadap sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah boleh dijadikan sebagai sumber rujukan?

- A Membuktikan keluasan ilmu
- B Menggambarkan sumber Islam yang pelbagai
- C Meraikan perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuwan Islam
- D Menzahirkan kekuatan pemikiran ilmuwan Islam dalam mengeluarkan hukum

Soalan 17 hingga 20 adalah berdasarkan kepada sumbangan tokoh-tokoh Islam kepada peradaban dunia dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

Tokoh	Bidang	Karya
Al-Tusi	Matematik, Astronomi	Kitab <i>Tazkirah fi ilm al-hayah</i> (<i>A memoir on the science of astronomy</i>)
Al-Jahiz	Kesusasteraan	Kitab <i>al-Bayan wa al-Tabyin</i> (<i>The Book of eloquence and demonstration</i>)
Al-Idrisi	Geografi	Kitab <i>Nuzhat al-Mushtaq</i> (<i>The book of pleasant journeys</i>)
Al-Sufi	Astronomi	Kitab <i>Suwr al-Kawakib</i> (<i>Book of Fixed Stars</i>)
Ibn Sina	Perubatan	Kitab <i>al-Qanun fi al-Tibb</i> (<i>The Canon of Medicine</i>)

- S17** Apakah bukti yang menunjukkan Tamadun Islam telah mencapai zaman kegemilangannya dalam **Jadual 3**?
- A Kelahiran cendekiawan dan sarjana yang menerokai pelbagai bidang ilmu
 B Pembinaan monumen dan alatan inovasi yang memudahkan aktiviti manusia
 C Penguasaan yang mantap terhadap ilmu perubatan, astronomi dan matematik
 D Percetakan buku-buku sebagai rujukan utama dalam bidang sains dan teknologi
- S18** Mengapakah sarjana Islam dalam **Jadual 3** dikenali sebagai tokoh yang cemerlang sehingga kini?
- A Tekun dan amanah dalam berkarya
 B Adil dalam memberi teguran kepada pemerintah
 C Penguasaan ilmu yang tidak terhad kepada satu bidang sahaja
 D Sentiasa menjaga agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta dalam kehidupan
- S19** Apakah sumbangan lain al-Idrisi dalam bidang ilmu dan peradaban dunia?
- A Kartologi
 B Antropologi
 C Kemanusiaan
 D Kesusasteraan

- S20 Kitab perubatan yang terkenal bertajuk *al-Qanun fi al-Tibb* dikenali sebagai _____.
- A Ensiklopedia perubatan
 - B Buku undang-undang perubatan
 - C Buku perubatan tradisional Tamadun Islam
 - D Modul garis panduan perubatan menurut Islam
- S21 Apakah faktor yang menyebabkan pandangan semesta masyarakat Melayu mengalami perubahan selepas kedatangan Islam?
- I Wujud hubungan manusia dengan Allah
 - II Konsep yang digunakan adalah konsep hukum alam
 - III Konsep kejadian manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi
 - IV Pandangan semestanya telah dimantapkan dan berlaku proses Islamisasi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S22 Bahasa Melayu adalah bahasa yang dituturkan di seluruh _____ sebagai bahasa _____ yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu dikaitkan dengan bahasa orang-orang bertamadun.
- A Kepulauan Melayu - Lingua Franca
 - B Tanah Melayu - Lingua Franca
 - C Kepulauan Melayu - Sub Etnik Serumpun
 - D Semenanjung Melayu - Sub Etnik Kepulauan
- S23 Apakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan?
- I Beragama Islam
 - II Berbahasa Melayu
 - III Menetap di pesisir pantai
 - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 24 dan 25 merujuk kepada pandangan semesta Tamadun Melayu dalam **Jadual 4**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 4

A	Bekerjasama
B	Menjaga tutur kata
C	Memuliakan tetamu
D	Hormat menghormati

S24 Apakah pandangan semesta Tamadun Melayu yang ditekankan dalam pantun di bawah?

Harimau belang mengejar rusa
Rusa makan di daun muda
Sebab pulut santan binasa
Sebab mulut badan merasa

S25 Apakah pandangan semesta Tamadun Melayu yang ditekankan dalam pantun di bawah?

Asam kundang si asam pauh
Dua pohon ditanam bersilang
Kalian bertandang darilah jauh
Moga gembira bukan kepalang

S26 Manakah faktor yang paling tepat merujuk kepada perkembangan Islam di Tanah Melayu?

- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- B Perdagangan, perkahwinan, peperangan, perlumbaan penyebaran agama serta keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah serta aktiviti perikanan
- D Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah

Soalan 27 dan 28 berdasarkan kepada pusat-pusat Tamadun Melayu Islam dalam **Jadual 5**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 5

A	Perlak
B	Champa
C	Melaka
D	Samudera Pasai

- S27** Pertapakan Islam dibuktikan melalui penemuan batu nisan yang mempunyai tulisan khat kufi bertarikh 1039 M menunjukkan terdapat pusat bandar di mana penduduknya adalah beragama Islam.
- S28** Wujud sekitar 1400 tahun dan menjadi pusat perdagangan yang berjaya menarik kedatangan golongan ulama, ahli sufi dan pedagang-pedagang Islam.
- S29** Apakah nilai yang ditekankan dalam amalan bermesyuarat dan bermuafakat yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu?
- A Proses untuk saling tolong menolong dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan
- B Tuntutan bekerjasama bagi menyempurnakan tanggungjawab kepada masyarakat di kawasan kampung
- C Tuntutan menjalankan amanah dalam organisasi masyarakat pada peringkat yang tidak dipimpin oleh seorang ketua
- D Proses di mana semua individu yang terlibat akan mengeluarkan pendapat mereka dan berbincang untuk mencapai sesuatu keputusan bersama
- S30** Bagaimanakah gambaran orang Melayu yang bersifat *heterogeneous*?
- A Menyemarakkan semangat kecintaan kepada etnik dan budaya setempat
- B Mewujudkan semangat juang yang tinggi dan berdaya saing akibat tekanan hidup yang dihadapi
- C Melahirkan kepelbagaian budaya dan adat berdasarkan kepada faktor geografi kawasan yang didiami
- D Menyatupadukan masyarakat dengan agama Islam dan tradisi budaya tempatan yang diamalkan sehingga kini

- S31** Apakah aktiviti masyarakat pada Zaman Batu Baru (*Neolithic New Stone Age*) yang berlangsung selepas tahun 10,000 S.M. di sekitar lembah Sungai Indus?
- A Aktiviti terhad kepada pembinaan rumah-rumah kediaman, pertanian dan perdagangan
 - B Aktiviti pertanian, perternakan, perdagangan dengan negara luar dan mengamalkan upacara-upacara keagamaan
 - C Aktiviti pertanian, penternakan, pembuatan pinggan mangkuk, perhiasan, pembuatan barang tembikar, benang, kain dan peralatan batu
 - D Aktiviti pembinaan negara meliputi aspek kehidupan manusia seperti penyebaran agama, budaya, nilai hidup dan kemajuan kebendaan
- S32** Apakah perkara yang menjadi asas utama Tamadun India?
- I Pendidikan adalah asas kesedaran kerohanian yang amat penting dalam agama Hindu
 - II Keluarga amat penting dan setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing
 - III Mewarisi tradisi sejarah kesusasteraan yang tinggi nilainya dalam Epik Ramayana dan Mahabarata
 - IV Terdapat empat tahap dalam kehidupan Tamadun India iaitu Brahmacyarya, Grhyasta, Vanaprahasta dan Sannyasa
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S33** Bagaimanakah kemajuan bidang peleburan logam dalam Tamadun India dizahirkan?
- A Pembinaan lanskap istana Taj Mahal
 - B Teknologi pembinaan Iron Pillar of Delhi
 - C Pembuatan arca tuhan dalam Kuil Vishnu
 - D Teknologi pembinaan menara Qutb Minar
- S34** Apakah nilai utama yang diketengahkan oleh epik sastera *Sakunthala* dan *Kama Sutra*?
- A Menerangkan ajaran-ajaran dharma (kebaikan) dan keagamaan
 - B Mengandungi bahasa puitis dan nilai-nilai sejarah Tamadun India
 - C Menghurai ciri-ciri jati diri seorang warganegara yang sanggup berkorban untuk negara
 - D Menjelaskan susur galur dan sejarah pembinaan kerajaan awal Tamadun India di sekitar Sungai Indus

- S35** Apakah sumbangan utama bahasa Sanskrit kepada Tamadun India?
- A Membantu kemunculan agama Buddha
 - B Membantu proses pemahaman ajaran-ajaran Buddha yang hendak disampaikan kepada orang ramai
 - C Merupakan pecahan kepada bahasa Prakrit yang menjadi bahasa utama dari kalangan penganut agama Buddha Sthaviravadin atau Buddha Hinayana
 - D Membantu perkembangan falsafah dan kesusasteraan serta merupakan bahasa pertuturan utama orang Aryan sehingga dikenali sebagai Vedik Sanskrit
- S36** Mengapakah seni khat sangat dimuliakan dan dihormati dalam zaman pemerintahan Islam di India?
- A Dianggap bertuah dan dirahmati Allah S.W.T.
 - B Mampu memberikan pendapatan yang lumayan
 - C Mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
 - D Melayakkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana
- S37** Manakah kenyataan yang benar tentang kedudukan wanita dalam Tamadun India?
- I Kedudukan wanita adalah yang terendah dalam kepercayaan agama
 - II Wanita sudah berkahwin berada di bawah tanggungjawab keluarga dan suami
 - III Fungsi utama seorang wanita adalah untuk memelihara anak dan menjaga suami
 - IV Semua kaum wanita berada di bawah penjagaan ayah dan ibu setelah kematian suami
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S38** Manakah yang berikut antara sumbangan orang Islam dalam bidang seni bina sepanjang sejarah Tamadun India?
- I Memperkenalkan pembinaan kubah dan menara
 - II Memperkenalkan penggunaan konkrit dan motar
 - III Memperkenalkan alat-alat geometri dalam pembinaan bangunan
 - IV Memperkenalkan lukisan flora dan fauna pada bangunan-bangunan itu
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S39** Apakah relevansi mempelajari Tamadun India bagi pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia?
- A Mengetahui latar belakang sejarah boleh membantu mengenali masyarakat India
 - B Memperkayakan pengetahuan dan ilmu tentang ketamadunan supaya mahasiswa lebih berpengetahuan luas
 - C Menghayati nilai dan sumbangan kepada peradaban dunia agar dapat memupuk sikap hormat menghormati
 - D Mempelajari subjek wajib universiti seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- S40** Apakah bukti penting ketamadunan yang telah wujud di Lembah Indus yang setaraf dengan tamadun besar dunia?
- A Kesan penanaman padi, barli, gandum, kapas dan binatang ternakan utama seperti lembu, kambing dan khinzir
 - B Aktiviti keagamaan yang paling ketara dijalankan ialah upacara penyembahan Proto Shiva dan Permandian Umum
 - C Penemuan patung-patung wanita menandakan aktiviti penyembahan kepada Dewi Ibu sangat terkenal dalam masyarakat India silam khususnya dari kalangan orang Tamil di bahagian Selatan
 - D Penemuan kesan kewujudan bandar Mohenjo-Daro dan Harrappa yang didirikan dengan menggunakan kaedah seni bina dan perancangan perbandaran yang teratur dan sistematik
- S41** Bagaimanakah budaya Yangshao dalam era Neolitik (3950 S.M.-1700 S.M.) membantu dalam perkembangan awal Tamadun Cina?
- A Mewujudkan aktiviti perikanan air tawar di sekitar lembah Sungai Kuning
 - B Melaksanakan aktiviti pertanian ubi dan sagu untuk sumber makanan asasi
 - C Melibatkan aktiviti budaya tebang dan bakar untuk pertanian dan penempatan
 - D Menjalankan aktiviti penanaman pokok-pokok bagi menggiatkan penenunan kain
- S42** Nyatakan aktiviti yang paling tepat merujuk kepada aktiviti ekonomi dan pertanian awal masyarakat neolitik di lembangan Sungai Kuning.
- I Penanaman padi
 - II Penghasilan sutera
 - III Pemburuan haiwan
 - IV Pembuatan tembikar
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S43 Manakah antara berikut konsep yang dirujuk sebagai *t'ien* pada zaman Dinasti Zhou?
- A Dewa yang menyampaikan ajaran dari langit
 - B Ahli agama yang memegang ajaran dari langit
 - C Manusia baik yang dapat memanfaatkan dirinya untuk orang lain
 - D *Supreme being* atau makhluk agung yang menguasai nasib seseorang
- S44 Manakah antara berikut adalah benar tentang ciri-ciri sifat tahan lama bagi Tamadun Cina?
- I Mengekalkan bentuk totem naga dalam tulisan
 - II Aktiviti perindustrian sutera yang mengekalkan kesenian dan kehalusannya
 - III Tembok Besar Cina masih berdiri kukuh walaupun tanpa menggunakan teknologi tinggi
 - IV Aktiviti pelayaran ke negara-negara di seluruh dunia bagi tujuan perdagangan dan ketenteraan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S45 Apakah falsafah Taoisme yang merujuk kepada cara untuk penurunan kadar jenayah?
- A Beranggapan dunia manusia adalah buruk, justeru manusia harus menahan nafsu
 - B Beranggapan manusia secara asasnya bersifat jahat, justeru menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang ketat dilaksanakan
 - C Beranggapan dunia manusia adalah baik, justeru manusia hendaklah mencintai orang lain seperti mencintai diri sendiri tanpa ada perbezaan taraf kehidupan
 - D Beranggapan manusia pada asalnya adalah baik, justeru pemerintah hendaklah mengawal persekitaran agar tidak memberi ruang kepada manusia melakukan jenayah
- S46 Apakah nilai dalam Legalisme yang dirumuskan oleh ahli falsafah Cina bernama Han Feizi?
- A Pemikiran kebajikan rakyat
 - B Pemikiran kebebasan mutlak rakyat
 - C Pemikiran kekuasaan ketenteraan ke atas negara
 - D Pemikiran kekuasaan pemerintah ke atas rakyatnya

- S47 Bagaimanakah gambaran keadaan masyarakat pada zaman penubuhan Tamadun Cina sekitar 722 S.M – 221 S.M?
- I Keadaan negara adalah huru-hara dan berpecah-belah
 - II Pelbagai pemikiran falsafah berkembang dengan pesat
 - III Golongan intelektual membantu pemimpin-pemimpin tempatan untuk mentadbir dan mengurus negeri
 - IV Menghadapi masalah dalaman akibat daripada serangan orang gasar dan peperangan antara negeri-negeri feodal Cina
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 48 dan 49 merujuk kepada **Pernyataan 3**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 3

Dinasti yang wujud pada sekitar tahun 206 S.M–220 S.M. Dinasti ini meninggalkan kesan mendalam sehingga hari ini orang Cina masih merujuk diri mereka sebagai “Orang Han”. Dinasti ini memerintah satu kawasan yang luas: Empayar China merentang dari Pergunungan Pamir yang terletak di Afghanistan hari ini di barat hingga ke Korea di timur dan dari Mongolia di utara ke Vietnam di selatan.

- S48 Apakah tahap dan dinasti yang dinyatakan dalam **Pernyataan 3**?
- A Tahap penubuhan – Dinasti Tang
 - B Tahap penubuhan – Dinasti Chou
 - C Tahap perkembangan – Dinasti Han
 - D Tahap perkembangan – Dinasti Yuan/Mongol
- S49 Apakah bentuk pencapaian yang telah dicapai oleh dinasti dalam **Pernyataan 3**?
- A Laluan Sutera menjadi jalan yang sering digunakan dan perhubungan diwujudkan dengan Asia Tengah dan Asia Barat
 - B Pasukan tentera yang pertama kali menggunakan belerang dan serbuk letup dalam peperangan, pengenalan wang kertas, dan memperkenalkan inovasi baru iaitu kompas dan alat pencetakan
 - C Pentadbiran negara dikendalikan para ilmuan terulung yang mendapat pendidikan mendalam fahaman Konfusius, bidang kesenian dan kesusasteraan berkembang pesat serta peningkatan aktiviti mencetak
 - D Pembinaan tembok besar Cina di utara negeri China yang panjangnya 4,000 kilometer, dan ia dibina untuk menghalang serangan penunggang-penunggang kuda daripada kawasan *steppe* yang terletak di utara benua Asia

- S50** Apakah nilai yang ditekankan dalam semangat ketinggian moral Tamadun Cina?
- A Memberi satu pengajaran kepada pemimpin untuk berkelakuan baik iaitu konsep mandat dari syurga
 - B Mementingkan kebolehan mengapresiasi seni dan falsafah melalui ajaran Konfusius, Taoisme dan Moisme
 - C Pengaruh ketamadunan berlaku ke atas tamadun lain yang amat ketara memiliki beberapa ciri penting tamadun Cina seperti negara Jepun, Korea serta Vietnam
 - D Penciptaan tulisan dan kegunaan berus dan kertas memberikan inspirasi kepada catatan sejarah tamadun Cina, seterusnya melahirkan ramai ahli falsafah yang terkenal
- S51** Apakah aliran pemikiran dan sistem pemerintahan yang lahir dalam dunia homogen Barat menurut Francis Fukuyama?
- A Pluralisme dan autokrasi Barat
 - B Sekularisme dan monarki Barat
 - C Liberalisme dan demokrasi Barat
 - D Komunisme dan globalisasi Barat
- S52** Mengapakah institusi kekeluargaan Barat dilihat sedang mengalami keruntuhan?
- A Melarang perceraian dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
 - B Kebenaran perkahwinan sejenis dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
 - C Pembatasan kelahiran anak dalam satu keluarga, melarang aktiviti pergaulan serta seks bebas
 - D Galakan aktiviti pergaulan dan seks bebas serta menghadkan kelahiran anak dalam satu keluarga
- S53** Apakah mekanisme yang perlu wujud bagi menyahut cabaran masa depan dunia berbilang tamadun di Malaysia?
- A Menganjurkan dialog antara tamadun bagi memupuk persefahaman antara kaum
 - B Membina tamadun yang homogen bagi membentuk kesatuan dan kesepaduan kaum
 - C Menutup pintu interaksi antara tamadun bagi menyekat dominasi Barat ke atas Malaysia
 - D Melemahkan kepelbagaian tamadun bagi memastikan kelangsungan Tamadun Malaysia

Soalan 54 hingga 56 berdasarkan keratan berita tentang Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang merujuk dalam **Pernyataan 4**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 4

NACP beri penekanan enam bidang keutamaan cenderung rasuah

Putrajaya: Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) memberi penekanan kepada enam bidang keutamaan yang cenderung kepada rasuah. Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, bidang-bidang tersebut adalah perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, tadbir urus politik, tadbir urus korporat, pentadbiran sektor awam serta bidang perundangan dan kehakiman.

“Enam bidang utama ini sekiranya tidak ditangani, masalah rasuah dalam negara akan menjadi lebih parah daripada apa yang telah kita lihat sebelum ini. Kerana itu kita menekankan pelaksanaan enam strategi untuk enam bidang keutamaan ini, pertama sekali ialah mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan; kedua menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang; ketiga memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik. Keempat, memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat; kelima, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan yang keenam, mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman, katanya”.

(Sumber: Astro Awani Online, 29 Januari 2019)

- S54** Apakah tujuan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dalam **Pernyataan 4**?
- A Memelihara keamanan dan kesejahteraan rakyat dan pemimpin
 - B Menegakkan undang-undang dan menjamin kesejahteraan penduduk
 - C Mengelak berlaku penyalahgunaan kuasa di peringkat nasional dan global
 - D Menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah
- S55** Bagaimanakah pelaksanaan strategi untuk mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan merujuk kepada **Pernyataan 4**?
- I Sistem tender terbuka diutamakan
 - II Menggubal akta perolehan kerajaan
 - III Penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan
 - IV Penubuhan mekanisme saluran aduan bagi pihak yang tidak berpuas hati
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S56 Apakah punca utama rasuah dari sudut konflik kepentingan yang menyebabkan inisiatif dan strategi pelan NACP ini dibangunkan?
- A Kurang ketelusan
 - B Manipulasi terhadap sistem dan prosedur
 - C Kuasa budibicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik
 - D Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan undang-undang

Soalan 57 dan 58 adalah berdasarkan kepada **Pernyataan 5**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 5

KUALA LUMPUR: Penglibatan penjawat awam dengan penyalahgunaan dadah boleh dikatakan serius dan perlu ditangani segera, kata Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Datuk Izhar Abu Talib. “Kebanyakan penjawat awam didapati positif dadah jenis methamphetamine kerana ia mudah diperolehi dengan harga mampu milik selain dapat membantu meningkatkan tenaga untuk bekerja”. Beliau berkata bagi mengurangkan penglibatan kakitangan awam dengan penyalahgunaan dadah, AADK menjalankan program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) sejak 2010, antara lain menggalakkan proses rawatan pemulihan dalam kalangan pekerja yang terlibat dengan dadah”. Selain program TEKAD, majikan disarankan mengambil inisiatif menubuhkan jawatankuasa pencegahan dadah di tempat kerja masing-masing. Izhar berkata antara faktor penjawat awam terlibat dalam penyalahgunaan dadah ialah tekanan tinggi semasa bekerja, tempoh masa bekerja yang lama atau giliran bekerja yang tidak menentu selain keadaan tempat kerja yang teruk atau bahaya.

(Sumber: Astro Awani, 1 Mac 2019)

- S57 Apakah implikasi penyalahgunaan dadah dalam proses pembentukan negara bangsa dan masyarakat bertamadun?
- A Mengancam keselamatan dan ketenteraman awam
 - B Menjauhkan masyarakat dari norma dan *world view* tamadun
 - C Mengakibatkan kadar jenayah dan salah laku dalam masyarakat meningkat
 - D Menyebabkan masyarakat berada pada tahap kejatuhan tamadun dan tersasar dari pengertian ketamadunan sebenar
- S58 Bagaimanakah pemerintah berperanan mendidik belia daripada terjerumus dengan penyalahgunaan dadah bagi memastikan kelangsungan tamadun?
- A Mendidik pemimpin yang berkarisma dalam kalangan masyarakat
 - B Mewujudkan sistem pemerintahan dan perundangan yang berwibawa
 - C Mengadakan kempen, intervensi dan rawatan pemulihan termasuk penguatkuasaan yang menyeluruh
 - D Mengadakan program ilmu dan ceramah berkaitan dengan kesan penyalahgunaan dadah di Pusat Pemulihan

- S59** Manakah nilai paling utama yang perlu diambil kira dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat?
- I Nilai-nilai sepunya
 - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
 - III Saling kebergantungan dalam pembangunan tamadun
 - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara Tamadun Barat dan Tamadun Islam
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S60** Apakah jangkaan yang akan berlaku berdasarkan kepada Teori “*The Clash of Civilizations*”?
- A Perbincangan kepentingan Tamadun Barat dengan kepentingan syarikat multi nasional
 - B Pertelingkahan tentang nilai antara Tamadun Barat dengan tamadun-tamadun cemerlang pada zaman lepas
 - C Perseteruan antara Tamadun Barat dengan tamadun-tamadun lain akan mencorakkan ekonomi sejagat
 - D Perbalahan antara Tamadun Barat dengan tamadun-tamadun lain akan mencorakkan suasana politik sejagat

- SOALAN TAMAT -

